

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 19.5.2016

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menangani masalah kes buli yang kian menjadi agak agresif dan keterlaluan semenjak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius perbuatan buli yang berlaku di sekolah. KPM telah mengambil inisiatif menangani masalah ini dengan mengedarkan **Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah** untuk memberi kefahaman serta kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Melalui buku tersebut, warga sekolah memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli.

KPM memberi penegasan kepada setiap sekolah untuk mematuhi garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah melalui:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 "Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah" bertarikh 29 Julai 2010.
2. Surat Siaran iaitu KP(BS-SPPK)601/1 (16) "Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid" bertarikh 11 Mac 2009.
3. Surat Siaran iaitu KP(BPSH-SPKD)601/01 Jld.11(16) "Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah" bertarikh 11 November 2011.

KPM juga menyediakan garis panduan menangani buli melalui pembudayaan amalan penyayang dalam kalangan murid di sekolah dan asrama dengan objektifnya agar murid-murid menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama.

RJM31